

# 'Rakyat yang bantu ahli masyarakat tak bernasib baik'

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah salah untuk menganggap bahawa hanya kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya membantu dan menjaga kebajikan rakyat.

"Ini ialah kerana kerajaan dibiayai oleh rakyat menerusi hasil cukai yang diperolehi dari rakyat.

"Oleh itu, rakyatlah sebenarnya yang bertanggungjawab untuk membantu dan menjaga kebajikan anggota masyarakat yang malang dan kurang bernasib baik seperti anak-anak

yatim, orang cacat dan orang tua," kata Perdana Menteri.

Kerajaan akan terus memberi sokongan moral dan bantuan kewangan apabila perlu, tambahnya ketika berucap di majlis jamuan amal anjuran Persatuan Pure Life Malaysia bagi mengutip derma pembinaan bangunan anak-anak yatim, di sini malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagi negara-negara maju telah menjadi satu anggapan bahawa kerajaan harus menjaga kebajikan rakyat seumur hidup mereka.

"Kerajaan kita boleh berbuat demikian, tetapi ini bererti mengenakan lebih banyak cukai kepada rakyat sendiri. Untuk membayar cukai yang tinggi pula, rakyat harus bekerja lebih kuat lagi," ujarnya.

Beliau berkata, usaha kerajaan semata-mata dalam membela nasib mereka yang kurang bernasib baik tidak mencukupi.

Tetapi, Perdana Menteri gembira di negara ini terdapat sebilangan rakyat yang sentiasa bermurah hati menghulurkan derma serta tenaga bakti bagi membela nasib mereka yang kurang bertuah.

Kira-kira \$420,000 berjaya dikutip dalam majlis amal itu yang dihadiri oleh kira-kira 1,000 orang tetamu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia